



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 6 TAHUN 1987

**ELAUN-ELAUN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN BAGI
PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERTUKAR WILAYAH**

PENDAHULUAN

1. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah mengambil keputusan untuk menyeragamkan elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan bagi pegawai-pegawai yang bertukar wilayah dan ditempatkan berkhidmat di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

TAKRIF

- 2.1 "wilayah" ertinya Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
- 2.2 "wilayah asal" ertinya Kuala Lumpur, Kuching atau Kota Kinabalu.
- 2.3 "pegawai yang bertukar wilayah" ertinya:
- (a) pegawai yang berasal dari Sabah dan Sarawak yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Semenanjung;
 - (b) pegawai yang berasal dari Semenanjung yang dilantik dan/atau ditempatkan berkhidmat di Sabah dan Sarawak; dan
 - (c) pegawai dari Sabah dan Sarawak yang bertukar di antara negeri-negeri itu.
- 2.4 "keluarga" menyatakan taraf pegawai yang telah berkahwin dan "ahli keluarga" ertinya suami atau isteri dan anak-anak pegawai.

ELAUN-ELAUN DAN KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DILAYAKI

3. Seseorang pegawai yang bertukar wilayah adalah layak menikmati elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan berikut berkuatkuasa mulai daripada tarikh pegawai melaporkan diri bertugas iaitu:

- (a) Elaun Wilayah.
- (b) Kemudahan tambang mengunjungi wilayah asal dua tahun sekali.

- (c) Kemudahan rumah kerajaan atau rumah yang disewa oleh Kerajaan tertakluk kepada had kadar sewa yang ditetapkan.
- (d) Lain-lain elaun dan kemudahan yang sedang berkuatkuasa yang tidak dibatalkan oleh Pekeliling ini.

ELAUN WILAYAH

4. Seseorang pegawai yang bertukar wilayah adalah layak menerima Elaun Wilayah atas kadar berikut:

<i>*Lingkungan Gaji</i>	<i>Kadar Berdasarkan % Gaji Yang Diterima</i>
Di bawah \$360	25
\$360—\$549	22½
\$550—\$959	20
\$960—\$1,939	17½
\$1,940—\$3,310	15
\$3,460 dan ke atas	12½

* Termasuk Elaun Memangku yang diluluskan oleh pihak berkuasa.

KEMUDAHAN TAMBANG MENGUNJUNGI WILAYAH ASAL

5. Pegawai yang bertukar wilayah juga adalah layak menikmati kemudahan tambang kapal terbang atau Feri Malaysia yang dibiayai sepenuhnya di bawah vot Jabatan masing-masing untuk pegawai dan ahli-ahli keluarganya bagi mengunjungi wilayah asal dua tahun sekali sepanjang tempoh penempatan pegawai di wilayah. Kemudahan ini hanya boleh diambil selepas 9 bulan penempatan atau sebelum tamatnya tempoh penempatan pegawai. Kemudahan ini tidak boleh dikumpulkan atau dibawa ke hadapan. Kemudahan tambang hanya meliputi tambang yang sebenar dan tidak termasuk lain-lain tuntutan seperti lojing/hotel, elaun makan ataupun tambang teksi dan sebagainya.

PEMBATALAN ELAUN PENEMPATAN KHAS

6. Mulai dari tarikh kuatkuasa, Elaun Penempatan Khas adalah dengan ini ditarik balik dan dibatalkan. Hanya pegawai-pegawai yang sedang menerima Elaun Penempatan Khas atas syarat-syarat dan kadar sekarang adalah dibenarkan terus menerimanya secara khas untuk penyandang sehingga tamat tempoh penempatan mereka. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai yang dibenarkan menerima Elaun Penempatan Khas itu tidak akan layak menikmati kemudahan tambang mengunjungi wilayah asal yang diperuntukkan di perenggan 5 di atas.

KEMUDAHAN RUMAH KERAJAAN ATAU RUMAH YANG DISEWA OLEH KERAJAAN

7. Seseorang pegawai yang bertukar wilayah juga layak diperuntukkan rumah kerajaan mengikut kelas rumah yang dilayaki ataupun rumah yang disewa oleh

Kerajaan tertakluk kepada syarat-syarat dan had kadar sewa rumah yang ditetapkan seperti di lampiran-lampiran:

<i>Had Kadar-kadar Sewa Rumah</i>	<i>Lampiran</i>
Semenanjung Malaysia	"A"
Sabah	"B"
Sarawak	"C"

PEMBATALAN ELAUN BELANJA HIDUP SEMENTARA DAN ELAUN PERUMAHAN SEMENTARA BINTULU

8. Elaun Belanja Hidup Sementara dan Elaun Perumahan Sementara yang diperuntukkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/83 adalah dengan ini ditarik balik dan dibatalkan.

PERLANJUTAN PEMAKAIAN

9. Pegawai-pegawai yang bertukar di antara Sabah dan Sarawak juga adalah layak menikmati elaun-elaun dan kemudahan-kemudahan yang diseragamkan dan diperuntukkan di bawah Pekeliling ini dan lain-lain Pekeliling yang berkaitan.

10. Peruntukan-peruntukan di dalam Pekeliling Perkhidmatan ini boleh juga dipakai kepada Pegawai-pegawai Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang terlibat dalam pertukaran wilayah.

TARIKH KUATKUASA

11. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Januari 1988.

PEMBATALAN

12. Pekeliling-pekelling Perkhidmatan dan Peruntukan-peruntukan berikut adalah dibatalkan:

12.1 Perenggan 6, Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/78.

12.2 Keseluruhan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/80.

12.3 Perenggan 3.1, 3.2, Lampiran "C", Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9/80.

12.4 Keseluruhan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/83.

AM

13. Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Pegawai Kerja Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan adalah bertanggungjawab untuk

menentukan pelaksanaan Pekeliling ini. Sekiranya ada sebarang keraguan maka penjelasan lanjut hendaklah diminta daripada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

24 Disember 1987.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k.:

Semua Ketua Badan-badan Berkanun.

Semua Ketua Kuasa-kuasa Tempatan.

LAMPIRAN "A"

Had Kadar Sewa Rumah bagi Pegawai-pegawai Sabah dan Sarawak yang bertugas di Semenanjung Malaysia

ZON TENGAH	= Wilayah Persekutuan, Selangor.
ZON UTARA	= Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak.
ZON SELATAN	= Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.
ZON TIMUR	= Kelantan, Terengganu dan Pahang.

	<i>Zon Tengah</i>	<i>Zon Utara dan Selatan</i>	<i>Zon Timur</i>
KUMPULAN A			
*Tingkatan Tertinggi "D" dan ke atas ..	\$1,000 s.b.	\$650 s.b.	\$500 s.b.
*Tingkatan Tertinggi "G" hingga "E" ..	\$ 750 s.b.	\$490 s.b.	\$375 s.b.
Tingkatan Kanan	\$ 600 s.b.	\$390 s.b.	\$300 s.b.
Tingkatan Biasa	\$ 550 s.b.	\$360 s.b.	\$275 s.b.
KUMPULAN B			
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 450 s.b.	\$300 s.b.	\$225 s.b.
Tingkatan Biasa	\$ 400 s.b.	\$260 s.b.	\$200 s.b.
KUMPULAN C			
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 375 s.b.	\$250 s.b.	\$190 s.b.
Tingkatan Biasa	\$ 350 s.b.	\$230 s.b.	\$180 s.b.
KUMPULAN D			
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 325 s.b.	\$210 s.b.	\$165 s.b.
Tingkatan Biasa	\$ 300 s.b.	\$195 s.b.	\$150 s.b.

* Di mana Elaun Bantuan Sewa Rumah yang dilayaki adalah lebih tinggi daripada had kadar sewa yang ditetapkan, maka pegawai adalah diberi pilihan sama ada hendak terus menerima Elaun Bantuan Sewa Rumah yang sedang dinikmati ataupun menduduki rumah yang disewa oleh Kerajaan tertakluk kepada had kadar sewa yang ditetapkan itu.

Had Kadar Sewa Rumah bagi Pegawai-pegawai yang berkhidmat di Sabah

<i>Kumpulan</i>	<i>Kadar Lama</i>	<i>Kadar Baru</i>
KUMPULAN A		
Tingkatan Tertinggi "D" dan ke atas ..	\$2,000	\$1,670
Tingkatan Tertinggi "G" hingga "E" ..	\$1,700	\$1,420
Tingkatan Kanan	\$1,500	\$1,290
Tingkatan Biasa	\$1,300	\$1,115
KUMPULAN B		
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$1,150	\$1,050
Tingkatan Biasa	\$1,100	\$1,005
KUMPULAN C		
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 850	\$ 780
Tingkatan Biasa	\$ 800	\$ 730
KUMPULAN D		
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 650	\$ 595
Tingkatan Biasa	\$ 625	\$ 575

Perjanjian penyewaan bagi pegawai yang sedang berkhidmat bolehlah diteruskan atas kadar lama sehingga tamat tempoh perjanjian penyewaan atau tamat tempoh penempatan mengikut mana yang lebih awal.

**Had Kadar Sewa Rumah bagi Pegawai-pegawai yang berkhidmat di Sarawak
(Termasuk Bintulu)**

<i>Kumpulan</i>		<i>Kadar</i>
KUMPULAN A		
Tingkatan Tertinggi "D" dan ke atas	\$1,000 sebulan
Tingkatan Tertinggi "G" hingga "E"	\$ 750 sebulan
Tingkatan Kanan	\$ 600 sebulan
Tingkatan Biasa	\$ 550 sebulan
KUMPULAN B		
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 450 sebulan
Tingkatan Biasa	\$ 400 sebulan
KUMPULAN C		
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 375 sebulan
Tingkatan Biasa	\$ 350 sebulan
KUMPULAN D		
Tingkatan Kanan/Tertinggi	\$ 325 sebulan
Tingkatan Biasa	\$ 300 sebulan